

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 DECEMBER 2016

Inisiatif pemacu sektor perusahaan diperkenal

UM - 9/12/2016

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
dan NABILA YASMIN RAZIB

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 DIS.

KERAJAAN akan melaksanakan Program Pensijilan Perusahaan dan Insentif Perolehan Sosial dalam usaha memacu sektor perusahaan dan transformasi keusahawanan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, dua program itu akan memanfaatkan sekurang-kurangnya 500,000 individu dalam kalangan golongan berpendapatan rendah (B40) yang akan diperkenalkan oleh Pusat Kreativiti dan Inovasi Global Malaysia (MaGIC) pada Jun tahun depan.

“Langkah ini menepati sasaran untuk mewujudkan 1,000 perusahaan sosial baharu pada 2018 yang

telah ditetapkan semasa pelancaran Pelan Perusahaan Sosial Kebangsaan pada Mei tahun lalu,” katanya berucap merasmikan Komuniti Keusahawanan Global (GE Community) dan Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau; Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah.

Perdana Menteri berkata, GE Community akan menghubungkan dunia korporat dan perusahaan untuk menerokai penemuan dan penciptaan baharu melalui pendekatan transformasi.

Beliau menjelaskan, sebanyak RM100 juta nilai penciptaan me-

rentasi bidang itu dijangka dapat diperolehi menerusi inisiatif seperti persekitaran tanpa tunai Cyberjaya-Mastercard dan Inovasi Terbuka Nestle.

“Kita akan mendedahkan antara inisiatif yang telah diperkenalkan untuk memberi gambaran kepada syarikat-syarikat untuk melaksanakan program seumpamanya seperti eU@Marketplace iaitu satu platform kepada para usahawan untuk mengembangkan perniagaan mereka secara dalam talian ke luar negara.

“Selain itu, kita mahu menekankan tanggungjawab keusahawanan korporat yang diinisiatifkan oleh Magic demi memastikan kematangan pembangunan keusahawanan kebangsaan dengan turut melibatkan sektor swasta,” katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memperkenalkan 2017 sebagai tahun

pelaksanaan gelombang kedua MCY 2.0 selepas mencatatkan kejayaan memberangsangkan pada tahun ini.

Sejajar itu beliau berkata, dua program inisiatif strategik akan diperkenalkan iaitu Program Pemangkin Global dan Cabaran Impact ASEAN demi membangunkan usahawan generasi hadapan dan memanfaatkan bakat itu di peringkat global.

“Kerajaan yakin lebih banyak program inovasi baharu menerusi penyelesaian berdasarkan teknologi akan diperkenalkan bukan hanya dilaksanakan oleh institusi penyelidikan awam, malah turut disumbangkan oleh sektor swasta dan industri berkaitan.

“Dalam usaha ini, kita akan turut menjemput rakan-rakan dari negara serantau untuk menjadi sebahagian daripada platform pengkomersialan di Malaysia,” katanya.